

10/10/1997

15,000 dijangka sambut lawatan PM

KUALA TERENGGANU, Khamis - Kira-kira 15,000 orang akan menyambut kedatangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Sultan Mahmud dekat sini, esok.

Satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan Pejabat Menteri Besar, hari ini menyatakan, Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijangka tiba di sini dengan pesawat khas pada kira-kira jam 4.45 petang.

Satu majlis ikrar oleh rakyat dan kerajaan negeri bagi menyokong kepemimpinan Dr Mahathir akan diadakan di lapangan terbang itu sebaik saja Perdana Menteri, tiba, katanya.

Dr Mahathir dan isteri kemudian akan menghadap Sultan Terengganu di Istana Badariah, Batu Buruk, selepas majlis sambutan itu dan mereka berdua juga dijadualkan menghadiri majlis penutup Tilawah Al-Quran kebangsaan di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah pada sebelah malamnya.

Pagi Sabtu, Dr Mahathir dan isteri akan bertolak ke Kemaman untuk majlis perasmian Institut Latihan Lanjutan Terengganu (Tati). Mereka dijadualkan pulang selepas majlis perjumpaan dengan pemimpin Terengganu di Awana Kijal.

(END)